

Bengkel PENGUCAPAN AWAM YANG BERKESAN

Oleh: Mahyun Ab. Wahab
Pensyarah

Takut, gentar, malu atau rasa rendah diri merupakan gabungan perasaan yang biasa dialami oleh seseorang yang diminta bercakap di khalayak umum. Tidak semua mereka yang diberi peluang dan ruang untuk bercakap di hadapan umum dapat melakukannya dengan baik. Menurut Ron Kurtus dalam 'Overcome the Fear of Public Speaking to Groups', ketakutan kelihatan bodoh di hadapan orang lain adalah sebab utama berlakunya gabungan perasaan sedemikian.

Sehubungan itu, PPKAS dengan kerjasama persatuan pelajarinya telah mengambil inisiatif menganjurkan sebuah bengkel 'Pengucapan Awam Yang Berkesan' pada 4 Februari 2007 bertempat di Kompleks Pusat Pengajian Jejaw 3, UniMAP. Objektif bengkel ini tidak lain adalah untuk meningkatkan kemahiran para pelajar dalam pengucapan awam. Seramai hampir 30 peserta yang terdiri daripada para pelajar PPKAS telah menjayakan program sehari ini. Barisan fasilitator adalah terdiri daripada para pensyarah dan jurutera pengajar PPKAS sendiri.

Bengkel ini telah dimulakan dengan sesi ceramah yang menyentuh teknik-teknik pengucapan awam yang berkesan. Pelbagai teori dan tips tentang cara-cara berucap telah dikongsi bersama para peserta. Ia disusuli dengan latihan praktikal dalam kumpulan-kumpulan kecil di mana para



peserta telah memberanikan diri tampil ke hadapan secara bergilir untuk berucap secara spontan. Sesi ini digunakan barisan fasilitator untuk memberi komen penambahbaikan berkenaan aspek isi ucapan, bahasa badan, ekspresi muka, intonasi dan hubungan mata pemberi ucapan. Satu pertandingan pengucapan awam telah dilangsungkan di penghujung bengkel tersebut. Para peserta kelihatan sungguh teruja mengaplikasikan pengetahuan yang baru dikongsi di sepanjang bengkel semasa memberikan ucapan.

Kebanyakan peserta memberi respon positif terhadap bengkel ini dan mencadangkan agar ianya dapat diteruskan di masa hadapan. Mereka juga mengakui bengkel ini telah memberi keyakinan kepada mereka untuk tampil ke hadapan dan berucap di khalayak umum dengan lebih sempurna.